

SIDANG REDAKSI

Penasihat: Y.Bhg Datuk Seri Ahmad Fuad B. Ismail

Ketua Editor: Y.Bhg Datuk Hj Salleh Bin Yusop

Editor: Anwar Bin Mohd Zain

Sub-editor: Nor Iz Hayza Binti Md Zam

Pemb. Editor: Emy Hezrin Binti Hanafiah

Wan Norazah Binti Wan Md Nor

Jurufoto: Mubarak Bin Atan

Abd Rhani Bin Md Shohor

Md Ismail Bin Isnin

Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL
Hendaklah dialamatkan kepada:
Sidang Redaksi Berita Bandaraya,
Unit Komunikasi Korporat, Tingkat 5,
Menara DBKL1, Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur

Tel: 03-2617 9803 Faks: 03-2698 0460

E-mel: penerbitan@dbkl.gov.my

ISI KANDUNGAN

- 1 MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN
CERMERLANG 2009
- 2 DARI MEJA DATUK BANDAR / FROM
THE MAYOR'S DESK
- 3 EXCELLENT SERVICE AWARD
CEREMONY 2009
- 4 AKTIVITI JABATAN KOMUNITI
- 5 AKTIVITI PEJABAT CAWANGAN
- 6-7 BERITA BERGAMBAR
- 8 ISU ILMIAH / SERIUS
- 9 ISU ANTARABANGSA
- 10 SUARA ANDA
- 11 DISEBALIK TABIR
- 12 INFO DBKL
- 12 HUBUNGI KAMI

EXCELLENT SERVICE AWARD CEREMONY 2009



Government officers and staff need to show excellent work culture to change the negative rakyat perception toward the public service sector. This is the core matter which should be used as the rules and regulation by all public sector staff so as to ensure that their services are recognized at the highest level. Thus on June 24th 2010 the Excellent Service Award Ceremony 2009 was held at the Marriot Hotel Putrajaya, IOI Resort. It was held to in recognition of officers and staffs who had shown excellent prestige and give high commitment toward their duty.

This annual event is capable of stimulating officers and staffs to enhance service effectiveness to fit the requirement producing knowledgeable, skilled, competitive, resilient and viable workers.

The APC dinner was held with the cooperation of four agencies namely; DBKL, Putrajaya Corporation, Labuan Corporation and the Kuala Lumpur Land and Mining Office together with the Ministry of Wilayah Persekutuan and Urban Prosperity. 992 officers and staff were chosen to receive the APC for 2009. Among the guests of honour present were The Minister of Wilayah Persekutuan and Urban Prosperity, Dato' Raja Nong Chick Dato' Raja Zainal Abidin, the ministry Secretary General Dato' Ahmad Phesal Talib, PUtrajaya Corporation president, Tan Sri Samsudin Osman and KL Mayor, Datuk Seri Ahmad Fuad Ismail and others.

The award ceremony was organized to boost the morale among the employees to serve and persevere during current challenges and remain committed to develop KL into a world class city.



Dari Meja Datuk Bandar **Datuk Seri Ahmad Fuzi P. Ismail**

FROM THE MAYOR'S DESK

Hari Pekerja disambut setiap tahun sebagai satu penghargaan terhadap peranan dan sumbangan mereka kepada negara. Para pekerja merupakan tulang belakang kerajaan membangunkan negara dan tanpa mereka sudah tentulah negara kita tidak seperti hari ini, aman, makmur sejahtera, cemerlang, terbilang dan gemilang. Semua pekerja di Malaysia baik dalam sektor awam mahupun swasta telah bersama membangunkan negara ini dari satu negara yang berasaskan pertanian kepada negara maju dalam pelbagai bidang sejajar dengan Tema Hari Pekerja tahun ini iaitu "Transformasi Sektor Awam Memakmurkan Negara".

Perkhidmatan awam pada masa kini menghadapi pelbagai cabaran yang kompleks berikutan dengan perubahan sosial dan ekonomi sedunia. Persekitaran ini menuntut sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih inovatif dalam menghasilkan perkhidmatan yang dapat memenuhi harapan serta melangkaui kehendak pelanggan dan stakeholders. Bagi menghadapi cabaran-cabaran tersebut, Kerajaan telah menetapkan bahawa agenda transformasi Negara hendaklah berpaksikan inovasi dan kreativiti yang menggalakkan setiap pegawai dan kakitangan memberikan dan berkongsi idea-idea kreatif dan bernas dalam memudah cara tugas-tugas seharian supaya lebih efisien dan efektif. Ini seterusnya akan memberi impak positif kepada perkhidmatan Kerajaan, dan inilah yang dimahukan oleh rakyat. Kita juga harus pastikan bahawa hasil-hasil kreativiti dan inovatif ini dapat digunakan sepenuhnya dan bukan setakat berakhir begitu sahaja.

Bagi merealisasikan transformasi ke arah yang lebih positif seperti yang diharapkan, perkara asas bagi pekerja perlulah diberi penekanan berat dan sentiasa ditingkatkan kualiti kebajikan mereka. Ini kerana mereka adalah golongan yang berdepan dengan pelbagai cabaran sewaktu bekerja. Jika negara mereka diri mereka dibagai dan dijaga prestasi, produktiviti mereka akan meningkat. Hasilnya, perkhidmatan kepada orang ramai juga akan meningkat. Pekerja yang mempunyai motivasi tinggi pastinya terjadi jika mereka merasa kebajikan mereka tidak diabaikan.

Labour Day is celebrated every year in recognition of the workers role and contribution for the country. Workers are the government's backbone who develop the country and without them most certainly our country will not be as it is today, harmony, prosperous and peaceful, excellent, distinctive and brilliant. All workers in Malaysia be it in the public or private sector have together build this country from a one that was agricultural base into a country developed in various areas in line with the Labour Day celebration theme this year, that is "Transformasi Sektor Awam Memakmurkan Negara" which literally means "Transformation of the Public Sector enhances the prosperity of the nation".

The public sector currently faces various complex challenges due to social and world economic changes. These environment demands a more innovative service delivery system to fulfill the requirements as well as to go beyond the customers and stakeholders demand. In order to cope with the challenges the governments has decided that the country's transformation agenda must be predicated upon innovation and creativity which initiate each officers and staffs to contribute and share creative and brilliant ideas toward simplifying daily tasks to ensure efficiency and effectiveness. This in return will give positive impact to government services as required by the rakyat. We should also ensure that all these creative and innovative products can be fully used and not ends wastefully.

Therefore to accomplish the most positive transformation as expected, the foundation for all employees should be emphasized and their welfare quality should always be improved. This is because these are the groups who have to face all the challenges while conducting their duties. If the employees feel that they have been valued and their contributions are appreciated, their productivity will pick up better. The result will be, our services for the public will indeed progress. The workers will be highly motivated once they know their welfare has not been ignored.



Berita

Kuala Lumpur City News

BANDARAYA

Layari Berita Bandaraya di www.dbkl.gov.my

Bil. Mei - Jun 2010 / Jamadilakhir - Rejab 1431H

ISSN 1675-1876 Naskah Percuma

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2009

Pegawai dan kakitangan kerajaan perlu mempamerkan budaya kerja cemerlang bagi mengubah persepsi negatif rakyat terhadap perkhidmatan awam. Inilah intipati yang perlu dijadikan garis panduan oleh semua kakitangan awam demi memastikan kerjaya mereka diiktiraf ke peringkat yang lebih tinggi. Justeru itu, pada 24 Jun 2010 lalu Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) telah diadakan di Hotel Marriot Putrajaya, IOI Resort. Majlis itu bertujuan untuk memberi penghargaan kepada pegawai dan kakitangan yang telah mempamerkan prestasi kerja cemerlang dan memberi komitmen kerja yang tinggi.

Acara tahunan ini dilihat mampu merangsang pegawai dan kakitangan untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan bersesuaian dengan keperluan untuk mewujudkan pekerja yang berilmu, berkemahiran, berdaya saing, berdaya tahan dan berdaya maju.

Majlis APC ini merupakan kerjasama antara empat agensi iaitu DBKL, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan dan Pejabat Tanah dan Galian Kuala Lumpur dengan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar. Seramai 992 orang pegawai dan kakitangan telah dipilih untuk menerima APC bagi tahun 2009, dimana 768 daripadanya adalah penerima di kalangan pegawai dan kakitangan DBKL. Antara tetamu kehormat yang hadir



adalah Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik Dato' Raja Zainal Abidin, Ketua Setiausaha kementerian, Dato' Ahmad Phesal Talib, Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Samsudin Osman, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Fuad Ismail dan lain-lain lagi.

Penganjuran majlis anugerah ini diharap dapat membangkitkan semangat juang di kalangan pekerja dengan memberikan perkhidmatan yang berupaya menghadapi cabaran semasa dan komited menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia.

